

## Pakaian-pakaian diselaraskan untuk penuntut wanita-wanita Islam

Pihak-pihak yang bertanggungjawab di Mesir masih lagi mengkaji bentuk pakaian penuntut-penuntut wanita Islam di sekolah-sekolah mereka yang sesuai untuk dipakai pada masa ini. Setengah-setengah pihak telah juga memberikan contoh-contoh pakaian<sup>1</sup> yang sopan dan sesuai dengan peribadi timur dan pengajaran Islam. Tetapi kebanyakannya masih ragu-ragu menetapkan untuk menjadikan suatu undang-undang.

Pakaian penuntut-penuntut wanita Islam di sekolah-sekolah pada masa ini beragam-ragam, dan dapat kita perhatikan di dalam gambar yang diterakan di sini pemandangan sebuah darjah di Azhar Sharif iaitu sebuah universiti Islam yang masyhur di Mesir penuntut-penuntut wanitanya berpakaian dalam bentuk yang kurang menyenangkan kepada mata orang yang melihat dengan kaca mata Islam, sebab pengajaran Islam tidaklah menyuruh mereka belajar dengan mendedahkan sebahagian anggotanya di hadapan seorang guru lelaki. Guru tersebut lengkap dengan pakaian rasminya melambangkan penghormatannya terhadap ilmu dan majlis ilmu, sedang murid-muridnya bagaikan acuh tak acuh, kerana setengahnya (dalam lain gambar) ada yang sedang berkhalayak dalam bentuk yang memberahikan dan mempersonakan.

Kita di Malaya ini selalu menganggap negeri kiblat tempat mengarahkan pandangan dan perhatian kita dengan penuh minat dalam bidang ilmu agama dan sekolah-sekolah agamanya pun juga universiti-universitinya kerana ijazah-ijazah yang diwahyukan dari sana sahajalah yang selalu mendapat tempat yang istimewa untuk menjadi salah satu syarat penerimaan yang terjamin dimana-mana jabatan agama dan lain-lainnya, di tanah air kita ini. Sehingga bila yang merupakan kelusan<sup>2</sup> dalam negeri sahaja tidak mendapat perhatian apa-apa.



Gambar lengan yang terdedah mustahak ditutup (lihat anak panah) disiarkan oleh Majalah *Al-Shabān al-Muslimīn* sebagai kecaman.

Maka bilamana kita dapat menyingkap sistem pakaian penuntut-penuntut Islam di sana yang begitu menyolok mata, sesungguhnya telah menjadikan perasaan kita tawar, walaupun ada pihak yang menganggap soal pakaian itu kecil saja. Tetapi kita harus ingat bahawa bahaya yang besar itu asalnya dari yang kecil - seperti api atau air - memanglah sewaktu kecilnya tidak membahayakan malah terkadang memberi guna, akan tetapi bila air yang setitik itu telah menjadi alun dan gelombang yang besar, atau api yang hanya

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah pakaian

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah kelulusan



Dalam bilik darjah, Anitah sedang memperhatikan syarahan guru atau Anitah sengaja bergaya supaya mendapat perhatian?

dari sepuntung rokok itu menjadi lidah api yang menjulang-julang habis binasalah permukaan dunia ini oleh bahayanya.

### **Tokoh-tokoh wanita Islam di Mesir**

Sebenarnya sistem pakaian penuntut-penuntut wanita Islam di sekolah-sekolah Islam dan Al-Azhar As-Sharif yang masih belum tetap itu, terbit dari setengah-setengah tokoh wanitanya di sana masih ragu-ragu untuk mengambil keputusan, atau kerana belum berani dan tidak tegas untuk bertindak - baik dari golongan ahli politik mahupun dari tokoh penulisannya, bahkan dari ahli pendidik sendiri.

Ketika sebuah majalah Mesir membuat suatu penyelidikan (namanya *Al-Shabān al-Muslimīn*) mengenai soal “perempuan yang berdedah dan soal mengubatinya”

dikemukakan pendapat-pendapat dari beberapa tokoh wanita yang terkemuka misalnya;

Puan Dr. Hikmah Abu Zaid (Menteri Hal Ehwal Kemasyarakatan) menyatakan antara lain katanya “...sebenarnya jika diperhatikan benar-benar bahawa perempuan-perempuan yang tidak menjaga kesopanan (berdedah) itu ialah yang mengganggu dan kosong dari tugas hidup selain dari mengutamakan kulit yang lahir semata-mata. Sebaliknya perempuan yang bekerja maka pekerjaannya itulah yang menundukkan semua yang merupakan kulit.”

Kemudian katanya lagi “Benar ada orang yang mengatakan bahawa sekarang ini perempuan-perempuan yang bekerja setengahnya dalam bidang yang tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang perempuan, maka saya akan mengatakan bahawa berhubung kita sekarang masih dalam tingkatan berevolusi dalam kemasyarakatan tentunya tak lama kita berada di dalamnya dan pasti tak lama semua kekotoran dan fikiran-fikiran kita yang lama itu akan terhapus.”

Puan Aminah As-Sa’id tokoh persuratan dan pengarang beberapa majalah yang terkemuka mengatakan antara lain. “Saya akan memusuhi sebarang peraturan yang menghalang kebebasan seorang - baik ia merupakan pakaian atau lainnya... Kemegahan undang-undang terletak pada cara menghormati undang-undang itu, saya khuatir kalau suatu undang-undang mengenai pakaian yang tertentu itu telah ditetapkan kemudian tak dapat pula dijalankan.” Dia menyalahkan, pada pendapatnya kaum lelaki yang bertanggungjawab terhadap perempuan yang terdedah kerana merekalah yang membelikan pakaian untuk anak-anak mereka dan isterinya. Sepatutnya kaum bapa mengambil berat tentang pakaian anak-anaknya dan isterinya jangan dibiarkan keluar rumah dengan pakaian yang setengah telanjang.

Al-Ustazah Al-Insaf Muhamad Junaidi, Pengetua salah sebuah maktab pengajian Islam untuk murid-murid perempuan, sewaktu ditanya mengenai pakaian-pakaian yang sesuai untuk penuntut wanita, beliau hanya menjawab, iaitu; “Saya bukannya dari golongan penyokong-penyokong yang menentukan supaya tiap-tiap penuntut itu memakai sesuatu pakaian yang tertentu.” Padahal puan itu sendiri berpakaian yang cukup sopan dan dapat menunjukkan contoh yang baik, tetapi kurang berani menetapkan sesuatu pakaian yang sesuai untuk penuntut-penuntut wanita;

Dan kalau ditinjau pula pendapat dari tokoh-tokoh kaum lelaki di Mesir itu kebanyakan memberikan panduan-panduan yang baik misalnya kata mereka “ Mestilah diadakan undang-undang mencegah perempuan-perempuan yang berdedah” Mereka mengingatkan “Bahawa perbuatan mendedah-dedahkan diri itu adalah penyakit jiwa...” “Kita wajib menanamkan pengajaran agama di dalam jiwa kanak-kanak baik lelaki mahupun perempuan” dan lain-lainnya malah setengahnya membawa suatu misalan tentang kata-kata seorang yang mengatakan begini. “Kalaulah saya seorang hakim yang mengadili pemuda didakwa telah mengusik pemudi kerana mendedahkan tubuh badannya dan memakai minyak wangi nescaya saya membebaskan pemuda itu dan akan saya jatuhkan dua hukum ke atas pemudi itu pula. Pertama kerana kesalahan mendedahkan tubuhnya dan kedua kerana kesalahan meletakkan daging yang enak di depan kucing yang lapar.”

Sesungguhnya pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh kaum lelaki itu memang tidak meragukan, akan tetapi kita di sini masih ragu-ragu dan kurang yakin bila melihat apa yang telah menjadi kenyataan

sekarang ini, terutama setelah melihat gambar dan membaca beritanya sekali.

Bilakah lagi masanya mereka akan bersikap tegas, berani dan terus terang? Kita tunggulah bersama-sama.

---

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Sejarah ringkas

**Muhammad**

*ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

(huruf jawi)

Disusun oleh Idrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu

diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan

yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah

dibacanya. Bahasa mudah difahami dan disulam

dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan

sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah

ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk

sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

Post 10 sen

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**